**Skema Jawapan Peperiksaan Percubaan SPM ( 2018 ) - REKACIPTA**

<table>
<tr><th>Bah. B</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>a) Soal selidik<br><br>b) Carta bar:<br>Tajuk – 1 m<br>Skala pada paksi Y dalam peratus ( skala 10 ) – 1 m<br>Label Paksi X ( masalah dihadapi dan Paksi Y ( peratus responden) – 1 m<br>Petunjuk – 1 m<br>Semua nilai pada bar dilukis dgn betul – 1 m<br>● Jika tak guna nilai peratus atau skala salah, markah maksimum 2 shj ( tajuk + petunjuk )<br><br>c) Berdasarkan data yang dikumpul…..<br>….didapati bahawa<br>Seramai 38 responden ( 76% ) mengatakan terdapat najis tikus di rumah mereka manakala 12 orang ( 24% ) mengatakan tiada najis tikus.<br><br>47 responden ( 94% ) mengatakan berlaku pencemaran makanan akibat tikus manakala 3 orang ( 6% ) mengatakan tiada belaku pencemaran makanan.<br><br>35 responden ( 70% ) mengatakan perabot dan perkakas rumah dirosakkan tikus manakala 15 orang ( 30% ) mengatakan tiada kerosakan perabot dan alatan rumah.<br><br>● Mesti nyatakan masalah dan data dlm bentuk peratus. Jika guna data kekerapan , markah 0.<br><br>d) Berdasarkan analisis huraian data, didapati hampir semua / sebilangan besar / majority responden menghadapi masalah gangguan tikus di rumah mereka.<br><br>● Mesti ada kata kunci yg diboldkan ( mana-mana yg sesuai ) dan tajuk masalah</td><td>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1</td><td>1<br><br>5<br><br>3<br><br>1<br><br>10</td></tr>
<tr><td>2</td><td>a) Elektromagnet<br>b)<br>Sebelum:<br>Semasa suis terbuka, tiada arus mengalir dalam litar. Teras besi tiada tindak balas dengan logam terbuang.</td><td>1<br><br>1<br><br>1</td><td>1</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Semasa:**<br><br>Apabila suis ditekan atau semasa suis tertutup, arus mengalir dalam litar. Teras besi menjadi electromagnet dan logam terbuang akan ditarik ke teras besi.<br><br>**Selepas:**<br><br>Logam terbuang yang melekat pada teras besi akan dipindahkan ke tempat pelupusan. Suis akan dibuka untuk memutuskan arus dalam litar. Teras besi akan melepaskan logam terbuang kerana tiada aruhan electromagnet.<br><br>c) Sistem aruhan electromagnet dapat membantu pekerja mengangkat dan memindahkan beban besi yang berat tanpa menggunakan tenaga pekerja yang ramai<br><br>d) Apa yg berlaku..?<br><br>i. Aruhan electromagnet bertambah / Daya tarikan semakin kuat<br>ii. Aruhan electromagnet berkurang / Daya tarikan semakin berkurang | 1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 | 5<br><br>2<br><br>2<br>**10** |
| 3 | a) Banding..<br>**i. Kesesuaian bahan**<br>Bahan besi tahan karat yang digunakan pada Pam A adalah lebih sesuai dengan penggunaan di luar rumah kerana ia tidak akan berkarat berbanding dengan Pam B yang dibuat dari bahan keluli karbon tinggi yang boleh berkarat.<br><br>Pam A ( 1 Fakta + 1 Huraian ) = 1 m + 1m<br>Pam B ( 1 Fakta + 1 Huraian ) = 1m + 1m<br><br>Atau<br><br>Pam B dibuat dari keluli berkarbon tinggi yang bersifat sangat keras dan tahan apabila diberikan tekanan semasa megepam berbanding Pam A yang dibuat dari besi tahan karat yang sifatnya kurang keras. | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1 | 4 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **ii. Ergonomik**<br>Pam B lebih ergonomic kerana ia hanya dikendalikan menggunakan kaki sedangkan Pam A dikendalikan menggunakan tangan dan perlu membongkokkan badan yang akan meningkatkan risiko sakit belakang dan tangan.<br><br>Atau<br><br>Pam A dikendalikan dengan menggunakan tangan dan kedudukan badan lebih ergonomic dan stabil berbanding Pam B di mana pengguna perlu menyokong badan kerana menggunakan satu kaki semasa memijak pedal pam.<br><br>**iii. Fungsi**<br><br>Pam B mempunyai meter tekanan udara yang dapat membantu pengguna memantau tekanan angin yang masuk berbanding Pam A di mana pengguna terpaksa memeriksa sendiri tekanan angin yang masuk.<br><br>b) Pam A atau pam B<br><br>c) Mana-mana jawapan yg berunsurkan mesra pengguna.<br><br>1 Fakta + 1 Huraian = 2 m | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1 | 4<br><br><br><br>4<br><br><br><br><br>1<br><br>2<br>**15** |
| 4 | **a) 2 kesukaran + 2 kesan**<br><br>i)Pelekat pada kertas mudah melekat pada tangan pengguna yang menggendalikannya. Tangan akan kotor dan gam susah untuk dicuci.<br><br>ii)Kertas mudah diterbangkan angin jika dibentangkan di kawasan lapang dan berangin. Kertas akan melekat pada objek berdekatan dan susah ditanggalkan.<br><br>b) Lakaran pengubahsuaian:<br>Contoh: | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1 | 4<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>7 |




| | | | |
|---|---|---|---|
| | Lakaran 3D – 1 m<br>Label sekurang-kurangnya 2 – 1 m +1 m<br>Label bermaklumat – 1 m<br>Ada 2 pengubahsuaian pada lakaran - 1m + 1 m<br>Lakaran kemas dan terperinci – 1 m | 1 + 1<br><br>1+1 | 4<br><br>15 |
| | c) Terangkan kelebihan..<br><br>Sangkar aluminium melindungi kertas pelekat daripada terkena objek berdekatan.<br><br>Kertas pelekat digulungkan dan dipasangkan pada rod PVC. Ia lebih mudah untuk dikendalikan dan diubah tempat.<br><br>Atau<br><br>Tapak yang lebar lebih stabil dan tidak mudah terbalik.<br><br>2 kelebihan + 2 kesan ( 2 m + 2 m ) | | |
| | **Markah penuh** | | **50** |